



## CAWANGAN PERLIS

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Pentadbiran secara **Tetap** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis**.

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>					
1.	Pembantu Makmal (Sains)	C1	Pembantu Makmal	RM 1,500.00	RM 4,680.00

### SYARAT LANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN

#### PEMBANTU MAKMAL (SAINS) (GRED C1)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C1: RM1,500.00); atau
    - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C1: RM1,561.00); atau
    - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C1: RM1,622.00).

## **SYARAT KELAYAKAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

2. (a) (i) Bagi SPM tahun 2013 ke atas : lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Sejarah, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan atau dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut dan memenuhi syarat Bahasa Melayu sama ada Kepujian atau Lulus (mana yang berkenaan) dan mata pelajaran tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim pekhidmatan seperti di perenggan 3.  
  
(ii) Bagi SPM tahun 2012 ke bawah : lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan atau dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut dan memenuhi syarat Bahasa Melayu sama ada Kepujian atau Lulus (mana yang berkenaan) dan mata pelajaran tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim pekhidmatan seperti di perenggan 3.

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **KEPERLUAN TAMBAHAN**

4. (a) Keutamaan adalah pada calon-calon yang mendapat Kepujian dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).  
  
(b) Keutamaan kepada calon-calon yang memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang berkaitan yang diperakukan bersesuaian mengikut skim perkhidmatan di Laman Web EZSkim (pautan: <https://www.interactive.jpa.gov.my/ezskim/>).

## CARA-CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan Pentadbiran Universiti Teknologi MARA** dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Perlis <https://perlis.uitm.edu.my/>
2. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN BENAR** dari sijil asal:
  - (a) Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran
  - (b) Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
  - (c) Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja/ penetapan gaji
  - (d) Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
3. Nyatakan jawatan yang dipohon di penjuru atas **sebelah kiri sampul surat permohonan**.
4. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan **TIDAK akan diproses**.
5. Hanya permohonan yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
6. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
7. Pemohon-pemohon mestilah **bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Perlis**.

**Tarikh Tutup Permohonan ialah pada : 08/09/2025 (Isnin)**

Kemukakan permohonan kepada :



**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN  
BAHAGIAN PENTADBIRAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERLIS  
02600 ARAU, PERLIS.  
NO.TEL: (04- 9882000 / 2204 / 2207 / 2210)**